

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti gelagat pencarian maklumat, amalan mendapatkan maklumat, penerimaan teknologi dan kesan penggunaan Internet, mengkaji sama ada terdapat perbezaan dari segi gelagat pencarian maklumat, amalan mendapatkan maklumat, penerimaan teknologi dan kesan penggunaan Internet, meneliti sama ada terdapat hubungan dari segi gelagat pencarian maklumat, amalan mendapatkan maklumat, penerimaan teknologi dan kesan penggunaan Internet, mengenalpasti adakah gelagat pencarian maklumat, amalan mendapatkan maklumat dan penerimaan teknologi menjadi faktor peramal kepada kesan penggunaan Internet dan membentuk model bagi meramalkan kesan penggunaan Internet. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kuantitatif iaitu tinjauan. Data dikumpulkan melalui pengedaran soalselidik. Responden yang terlibat dalam kajian ini ialah peserta-peserta di Medan Infodesa (MID) dan Pusat Jalur Lebar Komuniti (PJK) dan kakitangan Universiti Utara Malaysia (UUM). Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif, Ujian t, Korelasi, ANOVA Sehala, analisis Regresi Pelbagai, Analisis Faktor dan Analisis Persamaan Struktural. Hasil kajian menunjukkan tahap pendidikan adalah merupakan faktor yang membezakan gelagat pencarian maklumat, amalan mendapatkan maklumat, penerimaan teknologi dan kesan penggunaan Internet bagi kedua-dua kategori responden. Analisis juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara gelagat pencarian maklumat, amalan mendapatkan maklumat, penerimaan teknologi dengan kesan penggunaan Internet. Cadangan kajian akan datang turut dikemukakan.